



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
HEBAHAN RASMI**

**GANGGUAN OPERASI SISTEM e-KEHAKIMAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Dimaklumkan bahawa Sistem e-Kehakiman di Semenanjung Malaysia tidak dapat beroperasi buat sementara waktu berikutan isu-isu teknikal yang tidak dapat dielakkan.

Segala urusan pemfailan dokumen secara dalam talian tidak dapat dilaksanakan sepanjang tempoh gangguan ini. Berikutan itu, urusan pemfailan dokumen secara manual hendaklah dilaksanakan dengan hadir ke kaunter pendaftaran mahkamah yang berkenaan. Kaedah pemfailan secara manual ini berkuat kuasa sehingga satu makluman rasmi dikeluarkan setelah sistem kembali pulih.

Segala urusan berkaitan kes sebutan, bicara, sambung bicara dan pengurusan kes sila berhubung terus dengan mahkamah yang berkenaan.

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia memohon maaf atas kesulitan yang dialami oleh semua pihak. Sebarang pertanyaan sila hubungi pegawai-pegawai yang berikut:

- 1) Nama: Tuan Harmi Thamri bin Mohamad @ Shahrudin  
Jawatan: Pengarah Bahagian e-Kehakiman  
No. Telefon/ E-mel: 03-8880 3531/ harmi@kehakiman.gov.my
- 2) Nama: Tuan Muhamad Faizal bin Ismail  
Jawatan: Timbalan Pendaftar Bahagian e-Kehakiman  
No. Telefon/ E-mel: 08-8880 3614/ faizalismail@kehakiman.gov.my
- 3) Nama: Encik Mohamad Khairi bin Kareem  
Jawatan: Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat  
No. Telefon/ E-mel: 08-8880 4208/ mohamadkhairi@kehakiman.gov.my

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Tarikh: 2 Februari 2026